

## **KEPENTINGAN MOTIVASI PENDIDIKAN DALAM PEMERKASAAN KOMUNITI PRIBUMI (THE IMPORTANCE OF MOTIVATION IN EDUCATION IN EMPOWERING INDIGENOUS COMMUNITY)**

Nasrudin Subhi<sup>1</sup>

Mohd Suhaimi Mohamad<sup>2</sup>

Junaenah Sulehan<sup>3</sup>

Manisah Ali<sup>4</sup>

Noor Rahamah Abu Bakar

<sup>1,2</sup> *Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Manusia,*

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,*

*Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor.*

<sup>3</sup>*Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekutaran dan Pembangunan*

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,*

*Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor.*

<sup>4</sup>*Pusat Kepelbagaian Pelajar, Fakulti Pendidikan,*

*Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor.*

### **ABSTRACT**

*The importance of education has long been identified as one of the main components in an effort to empower an individual or a community thus bringing them out of poverty. Therefore, motivation and encouragement in education is important in helping indigenous communities to empower their lives. This study aimed to explore the form of motivation in education towards empowering the Orang Sungai community in Paitan, Sabah. Respondents consisted of 38 heads of households. The study was conducted using a mixed method approach where a survey using the asset mapping form is combined with interviews to obtain detailed and accurate answers. The findings were analyzed by thematic analysis found the emergence of two main themes, namely intrinsic motivation (self attendance record, no money wager and children's attendance record) and extrinsic (bag and stationery, experience learning from a teacher, foods and beverages, friends and siblings as well as experiences of mingling with outsiders). Overall the advocacy literacy programme has succeeded in raising awareness about the importance of education among adult learners. This awareness needs to be nurtured and given the attention so that the learning process can be continued to a higher level in the future.*

**Keywords:** motivation; education; adult learners; empowerment; indigenous; Orang Sungai

### **ABSTRAK**

*Kepentingan pendidikan telah lama dikenal pasti sebagai salah satu komponen utama dalam usaha untuk memperkasa seseorang individu maupun sesebuah komuniti lantas membawa mereka keluar daripada kepompong kemiskinan. Justeru itu, motivasi dan galakan dalam pendidikan penting dalam usaha membantu komuniti pribumi ke arah memperkasakan kehidupan mereka. Kajian ini bertujuan untuk meneroka bentuk motivasi pendidikan dalam pemerkasaan komuniti Orang Sungai di Paitan, Sabah. Responden terdiri daripada 38 ketua isi rumah. Kajian dilakukan dengan menggunakan pendekatan campuran di mana teknik survei menggunakan borang pemetaan aset digabungkan dengan teknik temu bual bagi mendapatkan jawapan yang tepat lagi terperinci. Dapatan kajian dianalisis menggunakan analisis tema mendapatkan timbulnya dua tema utama iaitu motivasi intrinsik (rekod ke-*

*hadiran diri, tiada taruhan wang dan rekod kehadiran anak) dan ekstrinsik (beg dan alat tulis, pengalaman berguru, makan dan minum, rakan dan adik-beradik serta pengalaman bergaul dengan orang luar). Keseluruhananya program advokasi literasi telah berjaya menimbulkan kesedaran tentang kepentingan pelajaran dalam kalangan pelajar dewasa. Kesedaran ini perlu terus dipupuk dan diberi perhatian agar proses pembelajaran dapat diteruskan keperingkat yang lebih tinggi di masa akan datang.*

*Kata kunci: motivasi; pendidikan; pelajar dewasa; pemerkasaan; pribumi; Orang Sungai*

## PENGENALAN

Isu pendidikan yang melibatkan komuniti masyarakat Orang Asal masih lagi di tahap yang belum boleh dibanggakan. Isu keciciran masih lagi tinggi bagi masyarakat Orang Asal. Tidak dinafikan lokasi geografi mereka di samping budaya animisme yang mereka anuti banyak mempengaruhi soal keciciran dalam isu pembelajaran. Mereka ini tinggal jauh di pedalaman dan untuk ke sekolah adakala memakan masa beberapa jam atau hari hanya dengan berjalan kaki. Kepercayaan mereka pula, apabila ada berlaku kematian dalam keluarga mereka tidak boleh menjajakkan kaki ke tanah untuk satu tempoh masa. Perkara seperti inilah yang menyebabkan keciciran yang dimaksudkan. Sehubungan dengan itu, pelbagai kaedah telah dilakukan bagi membantu mengurangkan masalah ini dalam meningkatkan pencapaian pendidikan dalam kalangan Orang Asal.

Dalam masa yang sama, golongan dewasa juga tidak dinafikan hak pembelajaran mereka akibat segala kekurangan masa lalu. Atas kesedaran ini, kerajaan telah memperkenalkan Kelas Dewasa Asli Pribumi (KEDAP) yang mensasarkan isu pendidikan dalam golongan Orang Asal dewasa (JAKOA, 2013). Tujuan KEDAP adalah untuk mengurangkan keciciran

melalui pengurangan kadar buta huruf dalam kalangan masyarakat Orang Asal yang berumur 21 tahun ke atas (JAKOA, 2014). Modul KEDAP ini menggunakan pendekatan andragogi iaitu kaedah pembelajaran golongan dewasa serta menumpu kepada tiga fasa iaitu tambat, teroka dan taksir (3T). Manakala aplikasi pengajaran menerapkan pelbagai pendekatan dalam usaha membantu peserta menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M). Sebagai contoh, pada tahun 2013 sahaja sebanyak 87 kelas KEDAP telah dilaksanakan yang meliputi capaian seramai 2,610 orang dengan kos RM4.82 juta (JAKOA, 2013). Angka ini mengalami peningkatan pada tahun 2014 di mana sebanyak 134 kelas KEDAP telah dilaksanakan yang meliputi capaian seramai 3,999 dengan kos RM6.4 juta (JAKOA, 2014). Melalui pekeliling kewangan, Kementerian Pelajaran Malaysia menetapkan setiap sekolah mempunyai bilangan maksima 25 orang murid dewasa dengan tempoh pembelajaran selama 100 hari atau 200 jam selain diberikan beberapa elaun dan bantuan (Jadual 1) (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008). Pemberian ini adalah sebagai suatu bentuk insentif yang diharap berupaya meningkatkan motivasi dalam kalangan pelajar dewasa.

**Jadual 1.** Jenis dan kadar elaun/ bantuan KEDAP

No.	Jenis Elaun/ Bantuan	Kadar Seorang	Tempoh
1.	Elaun kehilangan pendapatan	RM19/hari	100hari/thn
2.	Elaun makan	RM4/hari	100hari/thn
3.	Elaun pakaian	RM50/thn	Sekali/thn
4.	Bantuan buku dan peralatan pembelajaran	RM50/thn	Sekali/thn
5.	Elaun kesihatan	RM50/thn	Sekali/thn
6.	Pakej lawatan	RM50/thn	Sekali/thn
7.	Elaun guru	RM50/jam	200jam/thn

Keciciran pendidikan dalam kalangan Orang Asal masih dilihat sebagai suatu yang amat

meruncing. Data keciciran dari darjah satu ke tingkatan lima bagi tahun 2006 hingga 2010

adalah dalam purata 66.4 peratus (Zainal Abidin, 2012). Keciciran paling tinggi adalah tamat darjah enam ke tingkatan satu. Data sedekad bermula tahun 2000 hingga 2010 mendapati purata keciciran sekolah rendah masuk ke sekolah menengah adalah pada peratusan 39.8 peratus (Zainal Abidin, 2012). Dalam erti kata lain, hampir separuh daripada pelajar yang tamat darjah enam tidak berpeluang menyambung pelajaran ke peringkat menengah.

Motivasi pendidikan dari segi teorinya biasa dikaitkan dengan soal pencapaian seseorang dalam bidang pendidikan. Untuk memperoleh pencapaian yang memberansangkan dalam pendidikan perlu kepada motivasi faktor kognitif. Ini bermaksud, bagaimana seseorang menilai atau mempersepsi serta bagaimana penilaian dan persepsi ini mempengaruhi kesudian seseorang untuk bekerja. Motivasi pendidikan boleh dibahagi kepada dua iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Motivasi intrinsik bermakna keterlibatan dalam sesuatu aktiviti tanpa menerima apa-apa ganjaran luar kerana tingkah laku yang dilakukan secara peribadinya memberikan kepuasan atau kerana keterlibatan aktiviti ini memenuhi kepercayaan atau harapan (Plotnik & Kouyoumdjian, 2011). Dengan kata lain, motivasi intrinsik ini ibarat melakukan sesuatu yang disukai justeru kepuasan yang diterima tidak sekali-kali dapat disetarakan dengan nilai wang.

Motivasi ekstrinsik pula bermaksud keterlibatan dalam sesuatu aktiviti atau tingkah laku sama ada untuk mengurangkan keperluan biologi atau membantu kita mencapai insentif dan ganjaran luar seperti wang, hadiah dan anugerah (Plotnik & Kouyoumdjian, 2011). Segala elaun dan bantuan seperti yang telah tersenarai dalam Jadual 1 tadi adalah merupakan motivasi ekstrinsik yang telah disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dalam usaha untuk merealisasikan pembelajaran bagi golongan dewasa menerusi KEDAP.

Para pengkaji telah pun mencapai tiga kesimpulan umum berkenaan pengaruh ganjaran luar kepada motivasi intrinsik (Deci & Moller, 2005; Eisenberger et al., 1999; Lepper et al., 1999): (1) memberikan ganjaran luar secara tidak disangka tidak akan mengurangkan motivasi intrinsik, namun orang akan mengharap

ganjaran sedemikian di masa akan datang; (2) memberikan maklum balas lisan bagi kerja yang baik dilakukan berbanding orang lain berupaya mengingkatkan motivasi intrinsik; (3) memberikan ganjaran luar bagi melakukan sedikit tugas atau menyiapkan tugas yang spesifik berkemungkinan menurunkan motivasi intrinsik.

Cabaran pendidikan bagi golongan terpinggir ini juga amat besar. Ramle & Faridah (2012) telah membahagi cabaran ini kepada dua cabaran khusus iaitu cabaran berkaitan pelajar dan cabaran berkaitan persekitaran setempat. Antara cabaran berkaitan pelajar ini termasuklah para pelajar tiada matlamat dalam soal pendidikan, mempunyai rasa rendah diri yang tinggi, kurang keyakinan diri, kurang usaha serta kurang motivasi untuk berjaya baik berbentuk intrinsik maupun ekstrinsik. Selain itu, cabaran berkaitan persekitaran setempat turut dikenal pasti antaranya budaya yang tidak mementingkan soal pendidikan, persekitaran geografi yang terpencil, kemiskinan yang membelenggu kehidupan serta perkahwinan berlaku di awal usia lantas menghambat soal pendidikan.

Banyak kajian terdahulu telah menyatakan bahawa pelajar daripada golongan minoriti dan miskin mempunyai tahap pencapaian pendidikan yang lebih rendah berbanding pelajar lain. Oleh itu, Tough (2006) mendapati bahawa bagi sekolah yang pelajarnya terdiri daripada golongan minoriti dan miskin perlu mengaplikasi tiga ciri penting: (1) waktu persekolahan yang lebih panjang berbanding waktu persekolahan biasa; (2) ada mencatat matlamat pendidikan yang jelas bagi menentukan sama ada guru-guru mencapai matlamat ini; (3) sekolah ini bukan sahaja mengajar pelajar tentang akademik malah mengajar ciri-ciri pembawaan diri seperti bagaimana untuk duduk dengan betul dalam bilik darjah, melakukan kontak mata yang sesuai dan membuat kerja secara kerjasama dalam kumpulan. Cabaran pengajaran-pembelajaran perlu turut diambil berat. Ramle & Faridah (2012) telah mengenal pasti faktor-faktor pengajaran-pembelajaran yang melibatkan hal Orang Asal: (1) kualiti tenaga pengajar yang kurang berpengalaman untuk mengajar di kawasan pendalaman, (2) kurang komitmen daripada tenaga pengajar dan kakitangan sokongan dalam usaha meningkatkan pendidikan Orang Asal

kerana masih menganggap mereka sebagai bodoh dan malas, (3) kaedah pengajaran-pembelajaran yang kurang menarik untuk meningkatkan minat belajar dan (4) memajukan pendidikan di pendalaman memerlukan usaha pelbagai pihak termasuk sekolah, ibu bapa dan agensi berkaitan setempat.

Di Sabah, kelompok Orang Sungai merupakan salah satu daripada 50 kumpulan etnik sedia ada manakala dalam kelompok Orang Sungai itu pula boleh dipecahkan lagi kepada 53 sub-etnik yang berbeza (Wan Shawaluddin & Yong, 2012). Namun, tiga kumpulan sub-etnik Orang Sungai yang utama adalah Orang Sungai Paitanik, Orang Sungai Dusunik dan Orang Sungai Ida'an. Bagi Orang Sungai Paitanik mereka mereka masih lagi boleh dianggap terkebelakang dan terpinggir. Kampung Abuan, kampung yang menjadi lokasi kajian ini juga terletak jauh di pendalaman. Menggunakan laluan balak akan mengambil masa lebih kurang sejam untuk masuk ke kampung. Namun, ia turut bergantung kepada cuaca memandangkan sekiranya di musim hujan jalan balak pasti akan lecak dan berselut. Sebelum adanya jalan balak laluan utama masuk ke Kampung Abuan adalah dengan melenusi sungai menggunakan bot berenjin yang mengambil masa sekitar kurang dua jam bergantung kepada tahap kedalaman dan aliran air. Jika di musim kemarau maka lebih banyaklah jeram yang terpaksa ditempuhi. Sekiranya jeram itu besar maka para penumpang bot perlu turun daripada bot dan memikul serta menolak bot naik untuk memepasi jeram tersebut. Perlu diingat ini memandangkan perjalanan menerusi sungai adalah secara menongkah arus kerana Kampung Abuan terletak di bahagian hulu sungai. Akibat daripada kedudukan geografi yang jauh di pendalaman ini maka sukar bagi pihak kerajaan melakukan usaha untuk membangunkan pelajaran dalam kalangan masyarakat kampung dan kawasan setempat. Oleh itu tahap keciciran masih lagi tinggi dalam kalangan golongan dewasa. Tahap keciciran yang masih tinggi ini pastinya menghambat kemajuan di samping sukar untuk menjadi pemangkin kepada kecemerlangan akademik generasi muda. Justeru, kertas kerja ini cuba untuk menyingkap apa bentuk motivasi pendidikan serta sejauh mana ia diterapkan ke dalam Program kesetaraan dalam pendidikan komuniti Orang Sungai di Kampung Abuan.

## METOD KAJIAN

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kajian campuran (mix method) bagi pengumpulan maklumat. Pertama teknik survei menggunakan borang pemetaan asset bagi mendapatkan profil isi rumah dilakukan. Kaedah pemetaan asset yang digunakan adalah bersandarkan saranan oleh Martin et al. (2012) menggunakan *Asset Based Community Development* (ABCD). Kaedah ABCD adalah satu bentuk kaedah korektif bagi pemetaan *Georaphic Informations Systems* (GIS) di kawasan yang kekurangan teknologi seperti di pendalaman dan terpencil dengan memberi kuasa kepada komuniti setempat untuk memetakan asset-asset individu, sosial, kewangan, alam semulajadi dan fizikal demi manfaat komuniti tersebut lantas mengurangkan kebergantungan kepada pihak luar. Bagi melengkapkan borang pemetaan asset ini teknik temu bual perlu digunakan. Oleh itu, kemahiran menemubual perlu ada pada para penyelidik agar temubual tersebut kaya dengan isi yang mencerminkan asset komuniti yang dikaji. Temu bual dilakukan dalam mentadbir borang pemetaan asset. Walaupun tatkala mentadbir borang pemetaan asset ini dilakukan bersama ketua isi rumah, namun hakikatnya kemungkinan kedapatannya ahli lain yang turut serta pada masa, contohnya isteri ataupun anak. Justeru, ada ketikanya mereka turut menyumbang terhadap proses pungutan maklumat ini.

Selain itu, proses pengumpulan maklumat juga dilakukan dalam bentuk pengumpulan data sekunder yang diperolehi daripada bahan-bahan seperti rekod dan cacatan program, laporan berkenaan Orang Sungai, rekod pencapaian pelajar dan sebagainya.

Dapatan daripada temu bual dianalisis secara analisis tema di mana setelah in temu bual ditranskrip ke dalam bentuk verbatim, penyelidik akan melakukan ulang baca untuk mengenal pasti tema-tema yang timbul. Tema-tema yang hampir sama akan diguguskan untuk membentuk tema satu tema baharu yang lebih murni.

Responden temu bual terdiri daripada seramai 38 ketua isi rumah. Dapatan keseluruhan bagi pemetaan asset mendapati bilangan penduduk

kampong Abuan adalah seramai 87 orang lelaki dan 100 orang perempuan. Sementara itu, majoriti penduduk adalah mereka yang berumur bawah 30 tahun (72.8%) diikuti mereka yang berumur 30 – 60 tahun (24%) dan mereka yang berumur lebih 60 tahun (3.2%). Sebanyak 50.8 peratus beragama Kristian, 43.9 peratus Pagan dan hanya 5.3 peratus beragama Islam. Mengenai status perkahwinan pula seramai 113 orang bergelar bujang, 73 orang berkahwin dan seorang bergelar janda.

## HASIL DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian ini mendapati dua tema utama berhubung motivasi pendidikan iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Di dalam tema motivasi intrinsik kajian ini mengenal pasti sebanyak tiga subtema iaitu: (1) rekod kehadiran diri, (2) tiada taruhan wang dan (3) rekod kehadiran anak.

Pertama, salah satu kaedah bagi menilai kesungguhan para pelajar dalam menimba ilmu ialah dengan menggunakan buku rekod kehadiran. Buku rekod kehadiran ini dikawal selia oleh guru yang mengajar. Menerusi kajian pasaran yang telah dilakukan sebelum program bermula pihak kami dimaklumkan bahawa terdapat sekitar 25 orang dewasa yang telah dikenal pasti sudi untuk mengikut kelas dewasa yang kami anjurkan. Namun, pada hari pertama kelas bermula cuma seramai tujuh orang sahaja yang hadir. Walaupun angka ini jauh lebih meleset daripada jangkaan dan tidak dinafikan timbul kekecewaan di dalam diri kami para penyelidik, kami sedar kami tidak boleh putus asa dan perlu terus optimis. Kami melakukan yang terbaik dalam melaksanakan kelas pertama dengan mempamerkan kesungguhan dalam memberikan pendidikan, semangat yang kental dalam memastikan keberjayaan kelas pertama dan sifat keterbukaan serta mesra dalam melayan pelajar-pelajar dewasa serta anak-anak mereka. Selain itu, kami turut memberikan peneguhan kepada para pelajar yang hadir agar mereka turut mengajak penduduk lainnya untuk datang belajar bersama. Usaha dan keyakinan kami berbaloi apabila pada hari-hari seterusnya terdapat pertambahan bilangan pelajar hingga ke tahap yang membanggakan. Ini terbukti apabila kelas yang hanya bermula dengan tujuh

orang pada hari pertama akhirnya berjaya mencapai kapasiti kelas mencecah angka 14 orang. Ini adalah penambahan sekitar 100 peratus. Dari segi kesungguhan menghadirkan diri ke kelas juga amat baik di mana sebanyak 63 peratus berjaya mengekalkan rekod kehadiran di tahap 65 peratus (Jadual 2). Lebih membanggakan, seramai dua orang pelajar berjaya mengekalkan kehadiran mereka di tahap 100 peratus walaupun hakikatnya pelbagai cabaran dihadapi mereka.

Antara perkara utama yang dilihat turut mendorong ke arah peningkatan kehadiran ialah modul literasi yang dibentuk khusus bagi Orang Sungai. Modul ini dibentuk secara ‘bottom-up’ di mana para penyelidik telah melakukan kajian awal dalam usaha mengenal pasti aktiviti sehari-hari masyarakat Orang Sungai untuk diterap masuk ke dalam pembentukan modul literasi. Selain itu, modul literasi ini turut menggunakan istilah-istilah setempat masyarakat Orang Sungai untuk meningkatkan ketertarikan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran. Modul literasi ini mengambil kira apa yang Orang Sungai mahu, mirip apa yang telah dijelaskan oleh Juli (2012) tentang kehendak Orang Asal dalam soal pendidikan.

Kedua, bermula sedari perjumpaan pertama para pelajar dengan kesemua penyelidik projek, ketua penyelidik telah pun memberikan penjelasan menyeluruh kepada para pelajar berkenaan program kelas dewasa yang dijalankan. Dalam masa yang sama, beliau juga telah menjelaskan bahawa memandangkan program ini merupakan projek penyelidikan, justeru, program ini tiada peruntukan untuk memberikan imbuhan wang ke atas penglibatan sebagai peserta. Soal ketiadaan imbuhan ini acap kali diingatkan sepanjang program ini dijalankan. Kegusaran awal yang para penyelidik hadapi berkenaan imbuhan wang kerana program KEDAP yang dilaksanakan kerajaan memberikan RM 23 sehari merangkumi RM19 sebagai elaun kehilangan pendapatan dan RM4 sebagai elaun makan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008). Hakikatnya elaun harian sebegini besar tidak mampu untuk ditunaikan menerusi projek penyelidikan sebegini. Namun, respons daripada peserta selaku pelajar dewasa masih lagi memberangsangkan. Ini dibuktikan daripada pemerhatian dan rekod kedatangan yang baik daripada para pelajar

yang hadir ke kelas dewasa ini. Hal ini turut membuktikan bahawa para pelajar faham

matlamat serta implikasi program yang dijalankan buat mereka.

**Jadual 2.** Rekod kehadiran murid dewasa berserta anak-anak mereka

No.	Tarikh	Kehadiran murid dewasa (org)	Kehadiran anak-anak (org)
1.	09/02/15	7	8
2.	10/02/15	8	6
3.	11/02/15	10	-
4.	12/02/15	13	-
5.	23/02/15	12	6
6.	24/02/15	12	11
7.	25/02/15	11	10
8.	26/02/15	8	14
9.	05/03/15	10	12
10.	06/03/15	10	12
11.	07/03/15	12	12
12.	08/03/15	10	-
13.	09/03/15	7	11
14.	10/03/15	9	12
15.	11/03/15	10	7
16.	12/03/15	10	14
17.	30/03/15	14	-
18.	31/03/15	13	16
19.	09/04/15	12	12

(-): tiada data yang dicatat dalam buku rekod kehadiran pelajar

Ketiga, satu keunikan program ini ialah kami membenarkan para pelajar membawa anak-anak mereka sewaktu menghadirkan diri ke dalam kelas. Hal ini boleh dibincangkan dalam dua perspektif. Pertama, si ibu punya kesedaran yang tinggi untuk menimba ilmu memandangkan sewaktu kecil dahulu beliau berkemungkinan tidak berkesempatan untuk belajar dengan sempurna. Lantas, daripada kesedaran yang tinggi ini si ibu sanggup untuk membawa bersama anak-anak ke kelas yang dihadiri. Kedua, secara tidak langsung kesungguhan yang dipapar oleh si ibu akan turut mendorong anak-anaknya menghargai pendidikan dan bersemangat untuk belajar bagi memajukan diri mereka sendiri. Selain itu, ibu bapa juga sudah berupaya untuk memantau serta membantu anak-anak mereka melakukan kerja rumah yang diberikan oleh guru di sekolah dan secara tidak langsung hal ini dapat mengurangkan kadar keciciran dalam kalangan anak-anak Orang Asal apabila ibu bapa mulai faham kepentingan pendidikan (Aminuddin, 2012; Wan Badaruddin, 2012). Keterlibatan anak-anak secara tidak langsung dalam program ini turut dibuktikan oleh rekod

kehadiran anak-anak yang tidak kurang hebatnya, bermula dengan penglibatan lapan anak di kelas pertama jumlah ini bertambah sehingga 16 orang pada kelas ke-18. Ini menunjukkan peningkatan penglibatan di tahap 100 peratus (Jadual 2). Situasi membawa anak-anak bersama ke dalam kelas ini agak berbeza dengan pengalaman yang pernah diperhatikan oleh penyelidik dalam satu program KEDAP. Sebagai contoh, sewaktu penyelidik ke SK Tasik Chini yang digunakan bagi kelas KEDAP untuk Orang Asal di sana bagi tujuan kajian berlainan, penyelidik berkesempatan memerhati para pelajar Orang Asal hadir ke sekolah untuk menghadiri kelas KEDAP. Rata-rata mereka berjalan bersaingan dengan rakan-rakan tanpa ditemani oleh anak-anak. Jika ditemani anak-anak pun jumlahnya amat kecil berbanding situasi yang berlaku dalam kalangan Orang Sungai di Kampung Abuan.

Tema utama kedua bagi kajian ini adalah motivasi ekstrinsik. Kajian ini telah mengenal pasti sebanyak lima sub-tema iaitu: (1) beg dan alat tulis, (2) pengalaman berguru, (3) makan

dan minum dan (4) rakan dan adik-beradik, (5) pengalaman bergaul dengan orang luar.

Pertama, sebagai pelajar baharu, semestinya akan merasa teruja apabila diberikan keperluan pembelajaran. Begitu juga dengan para pelajar dewasa ini. Alatan pembelajaran yang diberikan kepada mereka adalah seperti buku kerja, buku rampaian, kotak pensil, pensil, pensil warna, pemadam, peraut, pembaris, gunting dan gam. Para pelajar juga dibekalkan dengan sebuah beg galas setiap seorang dalam memudahkan para pelajar membawa peralatan pembelajaran mereka ke kelas. Alatan pembelajaran yang diberikan ini adalah bahan asas yang digunakan di dalam program literasi ini. Berbekalkan alatan pembelajaran ini membolehkan para pelajar belajar dengan sempurna di dalam kelas juga turut membolehkan mereka melakukan kerja rumah sekiranya ada diberikan oleh guru.

Kedua, kebanyakan pelajar dewasa yang menghadiri program adalah terdiri daripada mereka yang tidak pernah sekolah atau pun mereka kecinciran akibat oleh faktor-faktor tertentu. Justeru, mereka menyambut baik peluang yang diberikan untuk kembali belajar. Memandangkan guru yang bertugas dalam program ini adalah terdiri daripada guru SK Abuan yang dipilih oleh guru besar maka secara tidak langsung para pelajar berpeluang untuk kembali merasai pengalaman berguru dengan guru-guru terlatih. Kesempatan mendampingi guru-guru ini juga dilihat sebagai bonus memandangkan guru-guru ini jugalah yang mengajar anak-anak mereka di sekolah. Malah manfaat juga turut dirasai oleh guru bertugas kerana mereka boleh mengenali dengan lebih mendalam ibu bapa murid yang mereka ajar di sekolah.

Ketiga, salah satu lagi keunikan program ini ialah para pelajar diberikan air kotak, biskut dan gula-gula yang disajikan sewaktu dan sesudah kelas mengikut kesesuaian. Memandangkan mereka ini tinggal di kawasan pendalaman, kemudahan mendapat makan dan minum ini di dalam program dianggap sebagai daya penarik yang signifikan. Ini memandangkan untuk mendapatkan peluang merasa benda-benda tersebut bukan suatu yang senang disebabkan mereka tinggal jauh di pendalaman. Tambahan, acara makan minum adalah satu kegiatan yang sangat sinomin dengan

budaya masyarakat Orang Asal termasuk Orang Sungai. Aktiviti ini dilihat sebagai timbal balik terhadap elaun makan yang tidak dapat diberikan seperti mana dalam program KEDAP. Malah pemberian kudapan secara langsung di dalam kelas adalah lebih menjimatkan belanja mengurus secara keseluruhan. Dengan kata lain, sekiranya elaun makan diberikan kepada para pelajar (hanya diperolehi di akhir program) seperti program KEDAP, kudapan tetap perlu diberikan memandangkan budaya makan minum ini dilihat sebagai insentif utama dalam merangsang keterlibatan program khususnya yang melibatkan Orang Asal. Selain itu, dengan pemberian kudapan para pelajar lebih fokus kerana kudapan ini boleh mengelakkan rasa mengantuk di samping dapat mengeratkan tali silaturrahim antara semua yang terlibat menjayakan kelas.

Keempat, individu signifikan seperti adik-beradik, pasangan dan rakan baik juga dilihat sebagai faktor ekstrinsik yang mendorong pelajar dewasa ini datang ke kelas. Tidak dinafikan mereka ini di awalnya mempunyai rasa segan dan malu. Namun, dengan adanya sokongan daripada individu signifikan ini untuk datang bersama ke sekolah menjadikan mereka lebih selesa dan bersemangat. Sebagai contoh, Rusdi Sandakong adalah suami kepada Malia Salapid; Malia, Buyong dan Apot adalah adik beradik manakala Joanna Mandoring adalah rakan baik kepada Johiria Sogoh. Secara tidak langsung ia dapat meningkatkan motivasi individu serta mengeratkan muafakat sesama mereka.

Kelima, pengalaman bergaul dengan masyarakat luar juga dilihat sebagai faktor motivasi ekstrinsik. Duduk di pendalaman menjadikan Orang Sungai di Kampung Abuan kurang berpeluang untuk bergaul dengan masyarakat luar. Sama seperti masyarakat Orang Asal yang lainnya, Orang Sungai juga seringkali dilabel sebagai komuniti yang pemalu. Namun hakikatnya mereka turut mahu memperolehi peluang bergaul dengan masyarakat luar. Cuma mereka ini perlu disapa dan dipelawa berulang kali dengan nada yang mesra. Walau bagaimanapun, setelah mereka biasa dengan wajah-wajah masyarakat luar mereka sebenarnya mudah untuk didekati dan berkongsi cerita. Hal ini dirasai oleh para penyelidik sendiri dalam menjalankan program ini. Budaya ini dilihat terbalik dengan

norma sejagat di mana tuan rumah biasanya dilihat perlu menyambut dan melayan tetamu yang hadir atau datang berkunjung ke tempat mereka.

### KESIMPULAN DAN SARANAN

Secara keseluruhannya program advokasi literasi ini telah dilihat berjaya menimbulkan kesedaran kepada para pelajar dewasa tentang kepentingan pelajaran. Perkara ini penting sebab kesedaran ini jugalah yang menjadi pemungkin yang meransang diri para pelajar dewasa ini untuk terus maju dalam menimba ilmu malah ia turut penting dalam meransang pembelajaran anak-anak mereka untuk lebih berjaya di masa akan datang. Selain itu, motivasi intrinsik (rekod kehadiran diri, tiada taruhan wang dan rekod kehadiran anak) dan ekstrinsik (beg dan alat tulis, pengalaman berguru, makan dan minum, rakan dan adik-beradik serta pengalaman bergaul dengan orang luar) yang telah dikenal pasti perlu dijadikan sandaran bagi pelaksanaan program-program pendidikan yang mensasarkan golongan Orang Asal. Sehubungan dengan itu juga, kesedaran yang timbul ini perlu terus dipupuk dan diberi perhatian, justeru, adalah sangat bersesuaian sekiranya modul advokasi literasi tahap pertengahan boleh dibentuk agar proses pembelajaran yang telah dimulakan dapat diteruskan.

### RUJUKAN

- Deci, E. L., & Moller, A. C. (2005). The concept of competence. In A. J. Elliot & C. S. Dweck (Eds.), *Handbook of competence and motivation* (pp.579-597). New York: Guilford Press.
- Eisenberger, R., Pierce, W. D., & Cameron, J. (1999). Effect of reward on intrinsic motivation – negative, neutral, and positive: Komen pada Deci, Koestner, & Ryan (1999). *Psychological Bulletin*, 125, 677-691.
- JAKOA. 2013. Laporan -tahunan JAKOA. ISBN 983-44532.
- JAKOA. 2014. Laporan -tahunan JAKOA. ISBN 983-44532.
- Juli Edo. (2012). Pendidikan Orang Asli: Harapan dan peluang. Dalam Ramle Abdullah, Mohamad Hafis Amat Simin, Azlina Abdullah & Zurina Mansor (pnyt). *Pendidikan dan Orang Asli dalam arus perdana* (hlm. 31-40). Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Azlina Abdullah & Zurina Mansor (pnyt). *Pendidikan dan Orang Asli dalam arus perdana* (hlm. 31-40). Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2008). Kurikulum kelas dewasa bagi ibu bapamurid Orang Asli dan Peribumi. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Lepper, M. R., Henderlong, J., & Gingras, I. (1999). Understanding the effects of extrinsic rewards on intrinsic motivation – Uses and abuses of meta-analysis: Comment on Deci, Koestner, and Ryan (1999). *Psychological Bulletin*, 125, 669-676.
- Martin, M., Peters, B., & Corbett, J. (2012). Participatory Asset Mapping in the Lake Victoria Basin of Kenya, URISA. *Journal of the Urban & Regional Information Systems Association*, 24 (2), 45-55.
- Plotnik, R. & Kouyoumdjian, H. (2011). Introduction to psychology. 9th.ed. Belmont, CA: Wadsworth Cengage Learning.
- Ramle Abdullah & Faridah Mat. (2012). *Potensi pendidikan pelajar Orang Asli di Kelantan dan Terengganu: Perspektif JAKOA*. Dalam Ramle Abdullah, Mohamad Hafis Amat Simin, Azlina Abdullah & Zurina Mansor (pnyt). *Pendidikan dan Orang Asli dalam arus perdana* (hlm. 77-91). Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Tough, P. (2006, November 26). What it takes to make a student. *The New York Times Magazine*.
- Wan Badaruddin Wan Omar. (2012). *Faktor kecemerlangan pendidikan pelajar Orang Asli: Kes di Kelantan*. Dalam Ramle Abdullah, Mohamad Hafis Amat Simin, Azlina Abdullah & Zurina Mansor (pnyt). *Pendidikan dan Orang Asli dalam arus perdana* (hlm. 93-100). Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan & Yong Pau Lin. (2012). *Asal usul, sosioekonomi dan budaya Orang Sungai*. Dalam Rosazman Hussin, Jalilah Md. Shah & Dayu Sansalu (pnyt). *Orang Sungai* (hlm. 13-40). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.

Zainal Abidin Hj Ali. (2012). *Pelan tindakan pembangunan pendidikan Orang Asli 2000-2010*. Dalam Ramle Abdullah, Mohamad Hafis Amat Simin, Azlina Abdullah & Zurina Mansor (pnyt). Pendidikan dan Orang Asli dalam arus perdana (hlm. 43-58). Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.